

Maklumat
Journal of Da'wah and Islamic Studies
ISSN: 3031-4305 Vol. 4 No. 3 (2026)
DOI: https://doi.org/10.61166/maklumat.v4i3.115 pp. 232-246

Research Article

Valentine's Day Dan April Fool Sebagai Medium Globalisasi Budaya Barat: Analisis Dari Perspektif Akidah

Mohammad Adil Alwi Zaim

Universitas Darussalam Gontor, Indonesia
Corresponding Author, Email: adilalwizaim@gmail.com

Copyright © 2026 by Authors, Published by **Maklumat: Journal of Da'wah and Islamic Studies**. This is an open access article under the CC BY License https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/

Received : August 10, 2026
Revised : September 02, 2026
Accepted : October 24, 2026
Available online : November 13, 2026

How to Cite: Haswira Salleh Ahim. (2026). Valentine's Day and April Fool's Day as Vehicles of Western Cultural Globalization: An Analysis from the Perspective of Islamic Creed (ʿAqidah). *Maklumat: Journal of Da'wah and Islamic Studies*, *4*(3), 232–246. https://doi.org/10.61166/maklumat.v4i3.115

Valentine's Day and April Fool's Day as Vehicles of Western Cultural Globalization: An Analysis from the Perspective of Islamic Creed (ʿAqidah)

Abstract. This study examines the phenomena of Valentine's Day and April Fools' Day as part of the process of Western cultural globalization, which has become increasingly prevalent in modern society, particularly through the influence of social media and digital entertainment. The rapid expansion of platforms such as TikTok, Instagram, and YouTube has accelerated the dissemination of Western cultural values, resulting in both celebrations being widely embraced as popular entertainment trends and cultural practices among various communities, including Muslims. The research problem arises from the uncritical acceptance of these celebrations without adequate consideration of their historical origins, elements of tashabbuh (imitation of non-Islamic practices), hedonistic culture, and their implications for Islamic creed (ʿaqīdah) and Muslim identity. Accordingly, this study aims to analyze Valentine's Day and April Fools' Day as instruments of Western cultural globalization and to evaluate their implications for the ʿaqīdah and identity of Muslims. The study adopts a qualitative approach based on library research and critical analysis of primary and secondary sources, including the Qur'an,

Prophetic traditions (hadith), classical Islamic texts (turāth), the works of Muslim scholars, and academic literature on cultural globalization, social media, and Islamic creed. The findings indicate that Valentine's Day and April Fools' Day are not merely forms of social entertainment but also function as carriers of Western cultural values that may influence the thinking, moral conduct, and religious sensitivity of Muslim communities through the process of digital cultural normalization. The study further reveals that social media plays a significant role in accelerating the acceptance of these cultural practices through viral trends, prank culture, couple culture, and contemporary entertainment, particularly among Muslim youth. In conclusion, Muslims should possess a sound understanding of ʿaqīdah and the ability to critically evaluate contemporary cultural practices based on the principles of Islamic law (Sharīʿah), ḥifẓ al-dīn (the preservation of religion), and the preservation of Islamic identity, so as to avoid being influenced by external cultural practices that contradict Islamic beliefs and values.

Keywords: Valentine's Day, April Fools' Day, Cultural Globalization, Western Culture, Islamic Creed (ʿAqīdah).

Abstrak. Kajian ini membincangkan fenomena Valentine's Day dan April Fools' Day sebagai sebahagian daripada proses globalisasi budaya Barat yang semakin berkembang dalam masyarakat moden khususnya melalui pengaruh media sosial dan hiburan digital. Perkembangan platform seperti TikTok, Instagram dan YouTube telah mempercepat penyebaran budaya Barat sehingga kedua-dua sambutan tersebut diterima secara meluas sebagai trend hiburan dan budaya popular dalam kalangan masyarakat termasuk umat Islam. Masalah kajian timbul apabila sambutan tersebut diterima tanpa penelitian kritikal terhadap latar sejarah, unsur tasyabbuh, budaya hedonisme serta implikasinya terhadap akidah dan identiti Muslim. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis Valentine's Day dan April Fool sebagai medium globalisasi budaya Barat serta menilai implikasinya terhadap akidah dan identiti umat Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan dan analisis kritikal terhadap sumber primer dan sekunder seperti al-Quran, hadith, kitab turath, karya ulama serta penulisan akademik berkaitan globalisasi budaya, media sosial dan akidah Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa Valentine's Day dan April Fool bukan sekadar hiburan sosial, bahkan membawa bersama unsur budaya Barat yang boleh mempengaruhi pemikiran, akhlak dan sensitiviti agama masyarakat Muslim melalui proses normalisasi budaya digital. Kajian turut mendapati bahawa media sosial memainkan peranan besar dalam mempercepat penerimaan budaya tersebut melalui trend viral, prank culture, couple culture dan hiburan moden yang mempengaruhi generasi muda Muslim. Kesimpulannya, umat Islam perlu mempunyai kefahaman akidah yang kukuh serta kemampuan menilai budaya moden secara kritikal berdasarkan prinsip syariat, ḥifẓ al-dīn dan pemeliharaan identiti Islam agar tidak terpengaruh dengan budaya luar yang bercanggah dengan nilai dan akidah Islam.

Kata Kunci: Valentine's Day, April Fool, Globalisasi, Budaya Barat, Akidah.

PENDAHULUAN

Perkembangan globalisasi pada masa kini telah membawa perubahan yang sangat besar dalam kehidupan masyarakat dunia, khususnya dari sudut budaya, gaya hidup dan pemikiran. Globalisasi bukan sahaja melibatkan hubungan ekonomi dan teknologi, bahkan turut mempercepat penyebaran budaya Barat ke pelbagai negara termasuk negara Islam. Melalui kemajuan komunikasi moden dan jaringan internet tanpa sempadan, budaya luar dapat disebarkan dengan pantas sehingga menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat kontemporari. Keadaan ini menjadikan

masyarakat Islam semakin terdedah kepada pelbagai bentuk budaya asing yang berasal daripada Barat.[1]

Selain itu, perkembangan media sosial seperti TikTok, Instagram, Facebook dan Youtube turut memainkan peranan penting dalam mempercepatkan penerimaan budaya luar dalam kalangan masyarakat. Platform-platform ini bukan sahaja menjadi medium komunikasi, tetapi juga saluran utama penyebaran trend, hiburan dan gaya hidup moden. Kandungan berkaitan Valentine's Day dan April Fool's Day sering dipaparkan secara meluas melalui video pendek, gambar, cabaran viral dan kandungan hiburan yang menarik perhatian pengguna media sosial. Situasi ini menyebabkan budaya tersebut mudah diterima tanpa penelitian yang mendalam terhadap latar belakang dan nilai yang terkandung di dalamnya.[2]

Dalam konteks masyarakat Muslim, sambutan Valentine's Day dan April Fool semakin dilihat sebagai sesuatu yang normal dan tidak asing dalam kehidupan moden. Sebahagian masyarakat menganggap sambutan tersebut hanyalah bentuk hiburan, gurauan dan penghargaan kasih saya semata-mata tanpa mempunyai kaitan dengan agama atau pemikiran tertentu. Fenomena ini dapat dilihat melalui amalan bertukar hadiah, meraikan hubungan percintaan, menghasilkan kandungan *prank* dan menyertai *trend viral* yang berkaitan dengan kedua-dua sambutan tersebut. Penerimaan yang semakin meluas ini menunjukkan bagaimana budaya Barat Berjaya mempengaruhi cara hidup dan corak pemikiran masyarakat Muslim melalui proses globalisasi budaya.[3]

Walau bagaimanapun, di sebalik unsur hiburan dan trend semasa, Valentine's Day dan April Fool sebenarnya mempunyai latar sejarah, budaya dan nilai yang tersendiri dalam tradisi Barat. Valentine's Day dikaitkan dengan budaya romantik Barat dan unsur perayaan tertentu, manakala April Fool pula sinonim dengan budaya gurauan dan pembohongan untuk tujuan hiburan. Perkembangan media moden telah menyebabkan kedua-dua sambutan ini dipromosikan secara besar-besaran sehingga diterima sebagai budaya global tanpa penilaian kritikal terhadap kesesuaiannya dengan prinsip Islam. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan apabila budaya yang berasal daripada tradisi luar mula mempengaruhi identiti dan pemikiran umat Islam secara beransur-ansur.[4]

Oleh itu, fenomena sambutan Valentine's Day dan April Fool wajar dianalisis secara lebih mendalam dari perspektif akidah Islam. Hal ini kerana Islam sangat menitikberatkan pemeliharaan identiti, akhlak dan akidah umat daripada pengaruh budaya yang bercanggah dengan syariat. Dalam era globalisasi digital yang semakin berkembang, umat Islam memerlukan kefahaman yang jelas terhadap batas penerimaan budaya luar agar tidak berlaku kekeliruan identiti dan normalisasi nilai yang bertentangan dengan ajaran Islam. Justeru, penelitian terhadap pengaruh

[1] Roland Robertson, Globalization: Social Theory and Global Culture (London: Sage Publications, 1992), 11–18.

[2] Manuel Castells, Communication Power (Oxford: Oxford University Press, 2009), 406–412.

[3] Jean Baudrillard, The Consumer Society: Myths and Structures (London: Sage Publications, 1998), 95–101.

[4] Leigh Eric Schmidt, Consumer Rites: The Buying and Selling of American Holidays (Princeton: Princeton University Press, 1995), 201–208.

Valentine's Day dan April Fool dari sudut globalisasi budaya Barat dan implikasinya terhadap akidah Muslim menjadi satu keperluan penting dalam masyarakt kontemporari.

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kepustakaan bagi meneliti fenomena Valentine's Day dan April Fool sebagai medium globalisasi budaya Barat dari perspektif akidah Islam. Data kajian diperoleh daripada sumber primer dan sekunder seperti al-Quran, hadith, kitab turath, karya ulama kontemporari serta penulisan akademik berkaitan globalisasi budaya, tasyabbuh, Maqāṣid al-Sharīʿah, media sosial dan budaya Barat. Selain itu, kajian ini turut menggunakan pendekatan analisis kritikal dan analisis wacana media bagi menilai pengaruh media sosial, hiburan digital dan budaya popular terhadap penyebaran Valentine's Day dan April Fool serta implikasinya terhadap identiti dan pemikiran umat Islam dalam era globalisasi moden.

Konsep Globalisasi Budaya Barat

Globalisasi budaya merujuk kepada proses penyebaran nilai, gaya hidup, pemikiran dan budaya sesuatu masyarakat ke seluruh dunia melalui perkembangan teknologi, komunikasi dan hubungan antarabangsa. Dalam konteks moden, globalisasi tidak hanya tertumpu kepada aspek ekonomi dan perdangangan, bahkan turut melibatkan kawalan budaya yang merentasi sempadan geografi dan identiti masyarakat. Fenomena ini menyebabkan budaya tertentu, khususnya budaya Barat, berkembang secara meluas dan diterima dalam pelbagai lapisan masyarakat dunia termasuk negara-negara Islam. Keadaan ini menjadikan dunia semakin terbuka kepada pengaruh luar sehingga berlaku perubahan terhadap cara hidup, pemikiran dan budaya masyarakat tempatan.[5]

Perkembangan teknologi komunikasi dan media sosial menjadi antara faktor utama yang mempercepatkan proses globalisasi budaya Barat pada masa kini. Platform media sosial membolehkan pelbagai bentuk budaya asing disebarkan secara pantas kepada pengguna di seluruh dunia. Kandungan hiburan, trend viral, gaya berpakaian, budaya percintaan dan bentuk sambutan tertentu mudah dipopularkan melalui algoritma media sosial yang sentiasa memaparkan kandungan popular kepada pengguna. Akibatnya, masyarakat khususnya generasi muda menjadi lebih mudah terdedah dan terpengaruh dengan budaya Barat tanpa tapisan yang jelas.[6]

Selain media sosial, industry filem Barat turut memainkan peranan besar dalam menyebarkan budaya dan gaya hidup Barat ke peringkat global. Filem-filem Hollywood sering memaparkan unsur percintaan bebas, budaya hiburan dan sambutan tertentu seperti Valentine's Day sebagai sesuatu yang normal dalam kehidupan masyarakat moden. Pendedahan yang berulang melalui filem

[5] Roland Robertson, Globalization: Social Theory and Global Culture (London: Sage Publications, 1992), 8–15.

[6] Manuel Castells, The Rise of the Network Society (Oxford: Blackwell Publishing, 2010), 381–387.

menyebabkan masyarakat secara tidak langsung menerima budaya tersebut sebagai sebahagian daripada norma sosial kontemporari. Dalam masa yang sama, unsur budaya Barat yang dipaparkan dalam filem turut membentuk persepsi masyarakat terhadap konsep kebebasan, hiburan dan hubungan sosial sehingga mempengaruhi corak pemikiran generasi muda Muslim.[7]

Di samping itu, muzik dan industry hiburan moden juga menjadi medium penting dalam memperkukuhkan penyebaran budaya Barat. Lagu-lagu popular, video muzik dan konsert hiburan sering dipromosikan gaya hidup hedonistik, budaya percintaan dan kebebasan sosial yang selari dengan nilai sekular Barat. Kehadiran influencer dan selebriti media sosial pula mempercepatkan penerimaan budaya tersebut apabila mereka menjadikan sambutan Valentine's Day, prank April Fool's Day dan trend hiburan tertentu sebagai kandungan utama untuk menarik perhatian pengikut. Influencer mempunyai pengaruh besar terhadap tingkah laku dan cara berfikir masyarakat kerana mereka sering dijadikan contoh gaya hidup moden oleh generasi muda.[8]

Fenomena ini menyebabkan budaya Barat tidak lagi dilihat sebagai budaya asing semata-mata, bahkan berkembang menjadi "budaya global" yang diterima oleh masyarakat dunia tanpa mengira latar belakang agama dan budaya. Banyak sambutan dan gaya hidup Barat kini diraikan secara meluas di negara-negara Islam walaupun asal usulnya tidak berkaitan dengan tradisi tempatan atau ajaran Islam. Proses ini menunjukkan bagaimana globalisasi telah mengubah budaya Barat daripada budaya setempat kepada budaya universal yang mempengaruhi masyarakat global melalui kuasa media dan teknologi komunikasi moden.[9]

Dalam konteks ini, Valentine's Day dan April Fool merupakan antara contoh jelas penyebaran budaya Barat melalui proses *westernization* atau pembaratan budaya. Kedua-dua sambutan tersebut berasal daripada tradisi Barat tetapi kini diraikan secara meluas di seluruh dunia termasuk dalam kalangan masyarakat Muslim. Penyebaran melalui media sosial, filem, muzik dan industry hiburan menjadikan sambutan tersebut semakin normal dan diterima sebagai sebahagian daripada budaya moden. Keadaan ini menimbulkan persoalan penting mengenai kesan westernization terhadap identiti dan akidah umat Islam, khususnya apabila budaya luar diterima tanpa penilaian kritikal berdasarkan prinsip syariat dan pemeliharaan identiti Islam.

Latar Belakang Valentine's Day

Valentine's Day merupakan satu sambutan yang sangat popular dalam budaya Barat dan diraikan setiap tahun pada 14 Februari sebagai simbol kasih sayang dan percintaan. Sambutan ini pada asalnya mempunyai kaitan dengan tradisi masyarakat Rom kuno dan unsur keagamaan dalam tradisi Kristian Barat. Dari sudut sejarah, terdapat pelbagai pandangan mengenai asal usul Valentine's Day, namun kebanyakan

[7] Douglas Kellner, Media Culture: Cultural Studies, Identity and Politics between the Modern and the Postmodern (London: Routledge, 1995), 121–127.

[8] Jean Baudrillard, The Consumer Society: Myths and Structures (London: Sage Publications, 1998), 88–94.

[9] John Tomlinson, Globalization and Culture (Cambridge: Polity Press, 1999), 90–97.

kajian mengaitkan dengan Lupercalia yang diraikan sebagai festival kesuburan dan hubungan romantik. Perayaan tersebut kemudiannya mengalami perubahan selepas pengaruh Kristian berkembang di Eropah sehingga dikaitkan dengan tokoh yang dikenali sebagai Saint Valentine.[10]

Saint Valentine sering dikaitkan sebagai seorang Paderi Kristian yang hidup pada zaman Empayar Rom dan dikatakan dihukum bunuh kerana mempertahankan upacara perkahwinan secara rahsia. Walaupun terdapat pelbagai versi sejarah mengenai orang tersebut, nama Saint Valentine akhirnya dikaitkan dengan simbol percintaan dan kasih sayang dalam masyarakat Barat. Perkembangan sejarah ini menyebabkan Valentine's Day berubah daripada unsur tradisi keagamaan dan budaya Rom kepada sambutan tahunan yang berorientasikan cinta romantik. Dari semasa ke semasa, sambutan ini semakin diterima dalam masyarakat Barat dan berkembang menjadi fenomena budaya global.[11]

Dalam era moden, Valentine's Day tidak lagi terbatas kepada latar belakang atau keagamaan tertentu, bahkan telah berubah menjadi budaya romantik kontemporari yang diraikan secara meluas oleh masyarakat dunia. Sambutan ini biasanya dikaitkan dengan hubungan pasangan kekasih, ungkapan cinta dan aktiviti romantic yang dianggap simbol penghargaan terhadap pasangan. Perubahan ini menunjukkan bagaimana Valentine's Day telah mengalami proses sekularisasi apabila unsur budaya dan hiburan lebih berpengaruhberbanding aspek sejarah asalnya. Akibatnya, sambutan ini diterima secara terbuka sebagai sebahagian daripada gaya hidup moden tanpa mengambil kira latar budaya dan agama asalnya.[12]

Selain itu, Valentine's Day turut berkembang menjadi satu fenomena komersial yang sangat besar dalam sistem kapitalisme moden. Pelbagai industry mengambil peluang untuk menjadikan sambutan ini sebagai medium pemasaran produk dan perkhidmatan berkaitan percintaan. Penjualan bunga, coklat, kad ucapan, hadiah istimewa dan pakej makan malam romantic meningkat secara mendadak menjelang sambutan Valentine's Day setiap tahun. Keadaan ini menunjukkan bahawa sambutan tersebut bukan sahaja berkaitan dengan budaya cinta, bahkan turut dipengaruhi oleh unsur konsumerisme yang menggalakkan masyarakat berbelanja demi memenuhi trend sosial semasa.[13]

Walau bagaimanapun, perkembangan Valentine's Day turut dikaitkan dengan penyebaran budaya cinta bebas, hedonism dan gaya hidup materialistik dalam masyarakat kontemporari. Sambutan ini sering mempromosikan hubungan romantik tanpa batasan syariat dan menjadikan keseronokan dan kepuasan emosi sebagai fokus utama kehidupan. Selain itu, unsur konsumerisme yang melampau menyebabkan nilai kasih sayang diukur melalui hadiah dan perbelanjaan material. Dari perspektif Islam, fenomena ini menimbulkan persoalan penting berkaitan kesan

[10] Jack B. Oruch, "St. Valentine, Chaucer, and Spring in February," Speculum 56, no. 3 (1981): 534–565.

[11] Henry Ansgar Kelly, Chaucer and the Cult of Saint Valentine (Leiden: Brill, 1986), 21–28.

[12] Leigh Eric Schmidt, Consumer Rites: The Buying and Selling of American Holidays (Princeton: Princeton University Press, 1995), 204–210.

[13] Jean Baudrillard, The Consumer Society: Myths and Structures (London: Sage Publications, 1998), 112–118.

Valentine's Day terhadap pemikiran, akhlak dan identiti umat Islam, khususnya apabila budaya tersebut diterima tanpa penilaian kritikal berdasarkan prinsip akidah dan syariat.

Latar Belakang April Fool

April Fool's Day merupakan satu sambutan yang dikenal dalam masyarakat Barat dan diraikan pada setiap 1 April sebagai hari untuk melakukan gurauan, prank dan penipuan terhadap orang lain bagi tujuan hiburan. Sambutan ini telah menjadi sebahagian daripada budaya popular moden dan diraikan secara meluas di pelbagai negara. Walaupun asal usul sebenar April Fool masih diperdebatkan oleh para pengkaji sejarah, terdapat beberapa pandangan yang mengaitkannya dengan perubahan kalendar di Eropah pada abad ke 16 dan budaya masyarakat Barat yang menjadikan gurauan sebagai hiburan sosial. Dari semasa ke semasa, sambutan ini berkembang menjadi tradisi tahunan yang sinonim dengan jenaka dan penipuan dalam kehidupan masyarakat moden.[14]

Dalam konteks budaya Barat, April Fool sering dikaitkan dengan amalan mempermainkan orang lain melalui berita palsu, cerita rekaan atau tindakan tertentu bagi mencetuskan kejutan dan hiburan. Sambutan ini biasasnya dilakuan oleh individu, Kumpulan masyarakat, syarikat media dan organisasi tertentu yang menghasilkan pelbagai bentuk *prank* untuk menarik perhatian ramai. Keadaan ini menyebabkan budaya gurauan dan penipuan dianggap sebagai sesuatu yang normal dan diterima dalam masyarakat semasa sambutan April Fool. Walaupun sebahagian prank dilakukan dalam bentuk ringan, terdapat juga gurauan yang melibatkan unsur penghinaan, ketakutan dan penipuan yang boleh memberi kesan negatif kepada individu lain.[15]

Selain itu, kewujudan influencer dan pencipta kandungan media sosial turut mempercepatkan popularity budaya prank dalam kalangan generasi muda. Banyak kandungan hiburan berasaskan prank dipersembahkan secara lucu dan santai sehingga menarik minat masyarakat untuk meniru trend tersebut. Dalam sesetengah keadaan, prank dilakukan secara melampau sehingga melibatkan pembohongan, penghinaan, gangguan emosi dan penyebaran maklumat palsu demi mendapatkan perhatian pengguna media sosial. Budaya ini menunjukkan bagaimana hiburan digital moden sering mengutamakan unsur sensasi dan viral tanpa mengambil kira implikasi moral dan etika terhadap masyarakat.[16]

Dari perspektif Islam, fenomena April Fool dan budaya prank menimbulkan persoalan berkaitan normalisasi pembohongan dan kesannya terhadap pembentukan akhlak masyarakat Muslim. Islam sangat menitik beratkan sifat jujur dan melarang penipuan walaupun dalam bentuk gurauan. Namun demikian, pengaruh media sosial dan budaya hiburan Barat telah menyebabkan pembohongan dalam prank diterima

[14] Stephen Winick, "The History and Traditions of April Fools' Day," Library of Congress Blog, 2016.

[15] Gary Alan Fine and Patricia A. Turner, Whispers on the Color Line: Rumor and Race in America (Berkeley: University of California Press, 2001), 45–50.

[16] Sherry Turkle, Alone Together: Why We Expect More from Technology and Less from Each Other (New York: Basic Books, 2011), 214–219.

secara terbuka sebagai hiburan moden. Keadaan ini menunjukkan bagaimana globalisasi budaya Barat mampu menmpengaruhi nilai moral masyarakat sehingga perkara yang bercanggah prinsip Islam dianggap normal dalam kehidupan seharian.[17]

Peranan Media Sosial Dalam Penyebaran Budaya Valentine Dan April Fool

Perkembangan media sosial pada masa kini memainkan peranan yang sangat besar dalam mempercepat penyebaran budaya Barat ke seluruh dunia termasuk dalam masyarakat Islam. Platform seperti TikTok, Instagram dan YouTube bukan sahaja menjadi medium komunikasi, bahkan turut berfungsi sebagai saluran utama penyebaran trend budaya, hiburan dan gaya hidup moden. Melalui media sosial, Valentine's Day dan April Fools' Day dipromosikan secara meluas melalui video pendek, gambar, muzik dan kandungan hiburan yang menarik perhatian pengguna. Situasi ini menyebabkan budaya tersebut berkembang dengan pantas dan diterima sebagai sebahagian daripada norma masyarakat digital masa kini.[18]

Selain itu, influencer dan pencipta kandungan media sosial turut memainkan peranan penting dalam menormalisasikan budaya Valentine dan April Fool dalam kalangan pengguna media sosial. Ramai influencer mempromosikan couple culture, hadiah romantik, prank pasangan dan cabaran viral yang berkaitan dengan sambutan tersebut bagi meningkatkan tontonan dan interaksi pengguna. Kandungan seperti "Valentine surprise", "couple challenge" dan "April Fool prank" sering menjadi trend utama yang mendapat sambutan tinggi khususnya dalam kalangan remaja. Keadaan ini menunjukkan bagaimana media sosial telah menjadi medium penyebaran budaya Barat secara tidak langsung melalui hiburan dan kandungan digital yang dianggap menarik serta moden.[19]

Di samping itu, algoritma media sosial turut memainkan peranan besar dalam memperluaskan pengaruh budaya luar terhadap masyarakat. Sistem algoritma dalam platform digital biasanya memaparkan kandungan yang popular, mempunyai kadar tontonan tinggi dan mendapat banyak interaksi pengguna. Akibatnya, kandungan berkaitan Valentine's Day, prank April Fool dan budaya hiburan Barat lebih mudah tersebar secara meluas tanpa tapisan budaya atau agama. Pengguna yang sering melihat kandungan tertentu juga akan terus dipaparkan dengan trend yang sama sehingga budaya tersebut menjadi semakin normal dalam kehidupan harian masyarakat digital.[20]

Dalam konteks generasi muda Muslim, pengaruh media sosial menjadi lebih signifikan kerana remaja merupakan golongan yang paling aktif menggunakan platform digital. Kandungan visual yang menarik, muzik popular dan hiburan santai menyebabkan remaja mudah terpengaruh dengan budaya luar tanpa menilai kesesuaiannya dengan prinsip Islam. Fenomena *Fear of Missing Out* (FOMO) turut mendorong pengguna media sosial untuk mengikuti trend Valentine dan April Fool

[17] Abū Zakariyyā Yaḥyā al-Nawawī, Riyāḍ al-Ṣāliḥīn (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2005), 453–454.

[18] Manuel Castells, Communication Power (Oxford: Oxford University Press, 2009), 406–414.

[19] Crystal Abidin, Internet Celebrity: Understanding Fame Online (Bingley: Emerald Publishing, 2018), 72–79.

[20] José van Dijck, The Culture of Connectivity: A Critical History of Social Media (Oxford: Oxford University Press, 2013), 29–35.

kerana bimbang dianggap ketinggalan atau tidak mengikuti perkembangan semasa. Dalam masa yang sama, budaya mencari pengiktirafan atau validation culture menyebabkan ramai pengguna menghasilkan kandungan romantik dan prank semata-mata untuk mendapatkan likes, tontonan dan perhatian daripada pengguna lain.[21]

Fenomena ini menunjukkan bahawa media sosial bukan sekadar alat komunikasi, tetapi telah berkembang menjadi medium utama pembentukan budaya dan cara berfikir masyarakat moden. Budaya viral dan hiburan digital menjadikan trend Barat seperti Valentine's Day dan April Fool mudah diterima tanpa penelitian kritikal terhadap kesannya terhadap akidah dan identiti Muslim. Keadaan ini membuktikan bahawa globalisasi budaya Barat pada era digital bergerak dengan sangat pantas melalui pengaruh visual, algoritma media sosial dan budaya hiburan moden yang mempengaruhi pemikiran serta gaya hidup generasi muda Muslim.

Pandangan Al-Quran, Hadith Dan Ulama Terhadap Valentine's Day Dan April Fool

a) Perspektif al-Quran

Islam menegaskan bahawa umat Islam perlu menjaga identiti keagamaan serta menjauhi perkara yang boleh membawa kepada penyimpangan akidah dan akhlak. Antara prinsip penting yang dapat dikaitkan dengan sambutan Valentine's Day dan April Fools' Day ialah larangan mengikuti budaya yang bercanggah dengan syariat serta kewajipan memelihara akhlak dan kebenaran dalam kehidupan.

Allah SWT berfirman:

وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

"Dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu."[22]

Ayat ini menjelaskan bahawa umat Islam perlu berhati-hati terhadap budaya dan amalan yang boleh membawa kepada kerosakan moral serta penyimpangan daripada ajaran Islam. Dalam konteks Valentine's Day, budaya pergaulan bebas, hedonisme dan normalisasi hubungan tanpa batas syariat boleh termasuk dalam perkara yang membuka jalan kepada maksiat.[23]

Selain itu, Allah SWT juga berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kamu bersama orang-orang yang benar."[24]

---

[21] Ahmad, S. S., Sa'ari, C. Z., & Azhar, M. H. M. (2025). Pendekatan Psikospiritual Islam dalam Meredakan Keresahan FOMO (Fear Of Missing Out) Warga Emas di Era Digital: The Islamic Psychospiritual Approach in Alleviating FOMO (Fear of Missing Out) Among the Senior Citizen in the Digital Age. Al-Basirah Journal, 15(2), 01-12.

[22] Al-Qur'an, Surah al-Baqarah 2:168.

[23] Abū Jaʿfar al-Ṭabarī, Jāmiʿ al-Bayān ʿan Taʾwīl Āy al-Qurʾān (Cairo: Dār Hajr, 2001), 3: 145–147.

[24] Al-Qur'an, Surah al-Tawbah 9:119.

Ayat ini menekankan kepentingan sifat benar dan menjauhi pembohongan. Prinsip ini bertentangan dengan budaya April Fool yang menjadikan penipuan dan pembohongan sebagai bahan hiburan.[25]

b) Perspektif Hadith

Dalam hadith Nabi SAW, terdapat larangan terhadap penyerupaan budaya non-Muslim yang bercanggah dengan identiti Islam. Nabi SAW bersabda:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

"Barang siapa menyerupai sesuatu kaum maka dia termasuk dalam kalangan mereka."[26]

Hadith ini sering dijadikan asas dalam perbahasan konsep tasyabbuh, iaitu penyerupaan terhadap budaya atau amalan khas sesuatu kaum yang bertentangan dengan identiti Islam. Valentine's Day dan April Fool dilihat mempunyai akar budaya Barat dan diterima secara meluas melalui proses globalisasi moden.[27]

Selain itu, Nabi SAW juga melarang pembohongan walaupun dalam bentuk gurauan. Baginda bersabda:

وَيْلٌ لِلَّذِي يُحَدِّثُ فَيَكْذِبُ لِيُضْحِكَ بِهِ الْقَوْمَ، وَيْلٌ لَهُ، وَيْلٌ لَهُ

"Celakalah bagi orang yang bercakap lalu berdusta untuk membuat orang lain ketawa. Celakalah baginya, celakalah baginya."[28]

Hadith ini menunjukkan bahawa Islam tidak mengiktiraf budaya hiburan yang berasaskan penipuan dan pembohongan seperti yang berlaku dalam sambutan April Fool.[29]

c) Pandangan Ulama

Para ulama turut membincangkan kepentingan menjaga identiti Islam dan menjauhi penyerupaan budaya luar yang bercanggah dengan akidah dan syariat. Al-Sanʿānī menjelaskan bahawa penyerupaan terhadap budaya khas sesuatu kaum boleh membawa kepada kecenderungan hati serta pengagungan terhadap budaya tersebut sehingga memberi kesan terhadap identiti seorang Muslim. Beliau menegaskan bahawa Islam menggalakkan umatnya memiliki identiti tersendiri yang selari dengan prinsip syariat dan akhlak Islam.[30]

Selain itu, Abū Isḥāq al-Shāṭibī melalui pendekatan Maqāṣid al-Sharīʿah menekankan kepentingan ḥifẓ al-dīn (pemeliharaan agama) sebagai salah satu tujuan utama syariat. Dalam konteks ini, sebarang budaya yang boleh melemahkan sensitiviti agama, menormalisasikan maksiat atau mengaburkan identiti Islam perlu dinilai secara kritikal demi menjaga kestabilan akidah umat Islam.[31]

---

[25] Abū ʿAbd Allāh al-Qurṭubī, al-Jāmiʿ li Aḥkām al-Qurʾān (Beirut: Muʾassasah al-Risālah, 2006), 10: 279–281.

[26] Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ashʿath, Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Libās, no. 4031.

[27] Aḥmad ibn Muḥammad al-Ṣāwī, Bulghat al-Sālik li Aqrab al-Masālik (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1995), 4: 312–315.

[28] Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ashʿath, Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Adab, no. 4990; al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, no. 2315.

[29] Abū Zakariyyā Yaḥyā al-Nawawī, Riyāḍ al-Ṣāliḥīn (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2005), 453–454.

[30] Muḥammad ibn Ismāʿīl al-Sanʿānī, Subul al-Salām (Cairo: Dār al-Ḥadīth, 2004), 4: 175–177.

[31] Abū Isḥāq al-Shāṭibī, al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharīʿah (Jeddah: Dār Ibn ʿAffān, 1997), 2: 17–21.

Di samping itu, Syed Muhammad Naquib al-Attas turut menjelaskan bahawa cabaran utama umat Islam moden ialah pengaruh sekularisasi dan westernization yang memasuki pemikiran masyarakat melalui pendidikan, media dan budaya popular. Fenomena sambutan Valentine's Day dan April Fool boleh dilihat sebagai sebahagian daripada proses globalisasi budaya Barat yang mempengaruhi gaya hidup serta cara berfikir masyarakat Muslim kontemporari.[32]

Analisis Dari Perspektif Akidah

Konsep tasyabbuh merupakan antara prinsip penting dalam Islam yang berkaitan dengan pemeliharaan identiti umat Islam daripada penyerupaan terhadap budaya dan amalan khas golongan non-Muslim. Para ulama menjelaskan bahawa Islam tidak melarang interaksi sosial dengan masyarakat lain, namun umat Islam perlu berhati-hati terhadap bentuk penyerupaan yang boleh menjejaskan identiti dan sensitiviti agama. Dalam hal ini, Nabi SAW bersabda:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

"Barang siapa menyerupai sesuatu kaum maka dia termasuk dalam kalangan mereka."[33]

Hadith ini menjadi asas penting dalam perbahasan ulama berkaitan larangan meniru amalan atau budaya tertentu yang menjadi identiti khas sesuatu kaum atau agama.

Dalam konteks Valentine's Day dan April Fools' Day, kedua-dua sambutan tersebut berasal daripada budaya Barat non-Islam dan berkembang melalui proses globalisasi moden. Valentine's Day mempunyai kaitan dengan tradisi Barat yang berorientasikan budaya percintaan, manakala April Fool pula berkait dengan budaya gurauan dan penipuan untuk hiburan. Penyertaan umat Islam dalam sambutan tersebut tanpa penilaian kritikal boleh membawa kepada kekeliruan identiti dan melemahkan sensitiviti terhadap prinsip agama. Keadaan ini menjadi lebih membimbangkan apabila budaya luar diterima secara terbuka hanya kerana dianggap trend moden dan hiburan semasa.[34]

Selain itu, Islam sangat menitikberatkan pemeliharaan agama atau ḥifẓ al-dīn sebagai salah satu tujuan utama syariat Islam. Prinsip ini menekankan kepentingan menjaga akidah, identiti dan nilai hidup umat Islam daripada unsur yang boleh merosakkan pegangan agama. Dalam era globalisasi budaya, pelbagai bentuk hiburan dan budaya asing memasuki kehidupan masyarakat melalui media sosial, filem dan industri hiburan moden. Jika tidak dinilai berdasarkan neraca syariat, budaya tersebut boleh mempengaruhi cara berfikir dan gaya hidup umat Islam sehingga berlaku penghakisan identiti keagamaan secara perlahan-lahan.[35]

---

[32] Syed Muhammad Naquib al-Attas, Islam and Secularism (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 133–140.

[33] Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ashʿath, Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Libās, no. 4031.

[34] Muḥammad ibn Ismāʿīl al-Sanʿānī, Subul al-Salām (Cairo: Dār al-Ḥadīth, 2004), 4: 175–177.

[35] Abū Isḥāq al-Shāṭibī, al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharīʿah (Jeddah: Dār Ibn ʿAffān, 1997), 2: 17–21.

Budaya luar yang bercanggah dengan nilai Islam juga boleh melemahkan sensitiviti agama dalam masyarakat Muslim. Apabila sambutan seperti Valentine's Day dan April Fool diraikan secara terbuka dan dianggap perkara biasa, masyarakat mula melihat budaya tersebut sebagai sesuatu yang normal tanpa mempersoalkan latar budaya serta implikasinya terhadap akidah. Fenomena ini menunjukkan bagaimana proses normalisasi budaya berlaku melalui pengaruh media sosial dan tekanan budaya global. Akibatnya, garis pemisah antara budaya Islam dan budaya Barat semakin kabur dalam kehidupan masyarakat moden.[36]

Di samping itu, Valentine's Day dan April Fool turut dikaitkan dengan unsur hedonisme dan hiburan melampau dalam budaya moden. Hedonisme merujuk kepada fahaman yang menjadikan keseronokan dan kepuasan hawa nafsu sebagai matlamat utama kehidupan. Dalam sambutan Valentine's Day, budaya couple, hubungan romantik bebas dan pencarian keseronokan emosi sering dipromosikan sebagai simbol kebahagiaan moden. Manakala dalam sambutan April Fool pula, hiburan berasaskan prank dan gurauan melampau dijadikan medium utama untuk mendapatkan perhatian dan hiburan masyarakat.[37]

Fenomena ini diperkukuhkan lagi melalui budaya hiburan digital yang berkembang pesat dalam media sosial. Banyak kandungan berkaitan Valentine dan April Fool dipersembahkan dalam bentuk video viral, challenge dan prank yang bertujuan menarik tontonan serta perhatian pengguna. Generasi muda khususnya mudah terpengaruh dengan budaya tersebut kerana ia dipaparkan dalam bentuk santai, lucu dan menarik secara visual. Keadaan ini menyebabkan hiburan menjadi semakin dominan dalam kehidupan sehingga nilai agama dan akhlak diketepikan demi memenuhi trend dan kehendak sosial semasa.[38]

Dalam konteks April Fool, Islam secara jelas melarang pembohongan walaupun dilakukan dalam bentuk gurauan atau hiburan. Nabi SAW bersabda:

وَيْلٌ لِلَّذِي يُحَدِّثُ فَيَكْذِبُ لِيُضْحِكَ بِهِ الْقَوْمَ، وَيْلٌ لَهُ، وَيْلٌ لَهُ

"Celakalah bagi orang yang bercakap lalu berdusta untuk membuat orang lain ketawa. Celakalah baginya, celakalah baginya."[39]

Hadith ini menunjukkan bahawa Islam sangat menitikberatkan kejujuran dan melarang penipuan walaupun dengan tujuan mencetuskan hiburan atau gelak ketawa.

Walau bagaimanapun, budaya April Fool telah menyebabkan pembohongan dan penipuan dianggap perkara biasa dalam masyarakat moden. Prank dan berita palsu dilakukan semata-mata untuk hiburan, tontonan dan perhatian media sosial tanpa mengambil kira kesan terhadap emosi serta maruah individu lain. Keadaan ini menunjukkan bagaimana budaya hiburan moden mampu menormalisasikan perkara yang bertentangan dengan prinsip akhlak Islam. Apabila pembohongan diterima

[36] John Tomlinson, Globalization and Culture (Cambridge: Polity Press, 1999), 90–96.

[37] Jean Baudrillard, The Consumer Society: Myths and Structures (London: Sage Publications, 1998), 101–108.

[38] Manuel Castells, Communication Power (Oxford: Oxford University Press, 2009), 418–425.

[39] Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ashʿath, Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Adab, no. 4990; al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, no. 2315.

sebagai hiburan biasa, masyarakat secara tidak langsung menjadi semakin kurang sensitif terhadap nilai kejujuran dan amanah yang sangat ditekankan dalam Islam.[40]

Selain itu, fenomena sambutan Valentine's Day dan April Fool juga berkait rapat dengan proses sekularisasi budaya dalam masyarakat moden. Sekularisasi merujuk kepada pemisahan agama daripada urusan kehidupan sosial, budaya dan hiburan. Dalam konteks ini, sambutan budaya Barat diraikan tanpa mengambil kira pertimbangan agama kerana dianggap sekadar hiburan dan trend semasa. Akibatnya, agama mula dilihat tidak relevan dalam menentukan batas hiburan, budaya dan gaya hidup masyarakat kontemporari.[41]

Keseluruhannya, pengaruh Valentine's Day dan April Fool menunjukkan bagaimana globalisasi budaya Barat mampu memberi kesan terhadap pemikiran, identiti dan sensitiviti agama umat Islam. Penyebaran budaya tersebut melalui media sosial dan hiburan digital menyebabkan masyarakat semakin terbiasa dengan nilai luar yang tidak selari dengan prinsip Islam. Oleh itu, umat Islam perlu mempunyai kefahaman akidah yang kukuh serta kemampuan menilai budaya moden secara kritikal agar identiti dan nilai Islam terus terpelihara dalam menghadapi cabaran globalisasi budaya masa kini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Valentine's Day dan April Fools' Day bukan sekadar bentuk hiburan atau trend sosial semata-mata, bahkan merupakan sebahagian daripada proses globalisasi budaya Barat yang berkembang secara meluas dalam masyarakat moden. Kedua-dua sambutan tersebut membawa bersama nilai, gaya hidup dan bentuk pemikiran tertentu yang berasal daripada tradisi Barat. Melalui perkembangan teknologi komunikasi dan media digital, budaya ini tersebar dengan sangat pantas sehingga diterima sebagai sesuatu yang normal dalam kehidupan masyarakat termasuk umat Islam. Fenomena ini menunjukkan bahawa globalisasi bukan sahaja mempengaruhi aspek ekonomi dan teknologi, tetapi turut memberi kesan terhadap budaya, identiti dan cara berfikir masyarakat.

Selain itu, media sosial seperti TikTok, Instagram dan YouTube memainkan peranan yang sangat besar dalam mempercepat penyebaran budaya Valentine's Day dan April Fool dalam kalangan masyarakat Islam. Kandungan berbentuk hiburan, prank, trend viral dan budaya percintaan dipromosikan secara berterusan sehingga mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku generasi muda Muslim. Keadaan ini menyebabkan budaya luar mudah diterima tanpa penilaian kritikal terhadap kesesuaiannya dengan prinsip Islam. Dalam masa yang sama, pengaruh media sosial turut menyumbang kepada normalisasi budaya Barat serta penghakisan sensitiviti agama dalam masyarakat kontemporari.

Oleh itu, umat Islam perlu mempunyai kefahaman akidah yang kukuh dalam menilai setiap bentuk budaya dan hiburan yang berkembang dalam era globalisasi moden. Islam tidak menolak kemajuan teknologi dan interaksi budaya, namun setiap

[40] Abū Zakariyyā Yaḥyā al-Nawawī, Riyāḍ al-Ṣāliḥīn (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2005), 453–454.

[41] Syed Muhammad Naquib al-Attas, Islam and Secularism (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 133–141.

amalan dan trend perlu dinilai berdasarkan neraca syariat, akhlak dan pemeliharaan identiti Muslim. Kesedaran terhadap konsep tasyabbuh, pemeliharaan agama (ḥifẓ al-dīn) serta kepentingan menjaga nilai Islam sangat penting bagi memastikan umat Islam tidak hanyut dalam arus budaya luar yang bercanggah dengan akidah. Justeru, pengukuhan pendidikan agama, literasi media dan dakwah digital menjadi antara langkah penting dalam menghadapi cabaran globalisasi budaya Barat pada masa ini.

DAFTAR PUSTAKA

Abū Jaʿfar al-Ṭabarī, Jāmiʿ al-Bayān ʿan Taʾwīl Āy al-Qurʾān (Cairo: Dār Hajr, 2001), 3: 145– 147.

Abū Zakariyyā Yaḥyā al-Nawawī, Riyāḍ al-Ṣāliḥīn (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2005), 453–454.

Abū ʿAbd Allāh al-Qurṭubī, al-Jāmiʿ li Aḥkām al-Qurʾān (Beirut: Muʾassasah al-Risālah, 2006), 10: 279–281.

Ahmad, S. S., Sa'ari, C. Z., & Azhar, M. H. M. (2025). Pendekatan Psikospiritual Islam dalam Meredakan Keresahan FOMO (Fear Of Missing Out) Warga Emas di Era Digital: The Islamic Psychospiritual Approach in Alleviating FOMO (Fear of Missing Out) Among the Senior Citizen in the Digital Age. Al-Basirah Journal, 15(2), 01-12.

Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ashʿath, Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Libās, no. 4031.

Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ashʿath, Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Adab, no. 4990; al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, no. 2315.

Abū Zakariyyā Yaḥyā al-Nawawī, Riyāḍ al-Ṣāliḥīn (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2005), 453–454.

Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ashʿath, Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Libās, no. 4031.

Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ashʿath, Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Adab, no. 4990; al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, no. 2315.

Abū Zakariyyā Yaḥyā al-Nawawī, Riyāḍ al-Ṣāliḥīn (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2005), 453–454.

Aḥmad ibn Muḥammad al-Ṣāwī, Bulghat al-Sālik li Aqrab al-Masālik (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1995), 4: 312–315.

Abū Isḥāq al-Shāṭibī, al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharīʿah (Jeddah: Dār Ibn ʿAffān, 1997), 2: 17–21.

Crystal Abidin, Internet Celebrity: Understanding Fame Online (Bingley: Emerald Publishing, 2018), 72–79.

Douglas Kellner, Media Culture: Cultural Studies, Identity and Politics between the Modern and the Postmodern (London: Routledge, 1995), 121–127.

Gary Alan Fine and Patricia A. Turner, Whispers on the Color Line: Rumor and Race in America (Berkeley: University of California Press, 2001), 45–50.

Henry Ansgar Kelly, Chaucer and the Cult of Saint Valentine (Leiden: Brill, 1986), 21–28

Jack B. Oruch, "St. Valentine, Chaucer, and Spring in February," Speculum 56, no. 3 (1981): 534– 565.

Jean Baudrillard, The Consumer Society: Myths and Structures (London: Sage Publications, 1998), 95–101.
John Tomlinson, Globalization and Culture (Cambridge: Polity Press, 1999), 90–97.
José van Dijck, The Culture of Connectivity: A Critical History of Social Media (Oxford: Oxford University Press, 2013), 29–35.
Leigh Eric Schmidt, Consumer Rites: The Buying and Selling of American Holidays (Princeton: Princeton University Press, 1995), 204–210.
Manuel Castells, Communication Power (Oxford: Oxford University Press, 2009), 406–412.
Manuel Castells, The Rise of the Network Society (Oxford: Blackwell Publishing, 2010), 381– 387.
Muḥammad ibn Ismāʿīl al-Sanʿānī, Subul al-Salām (Cairo: Dār al-Ḥadīth, 2004), 4: 175–177.
Roland Robertson, Globalization: Social Theory and Global Culture (London: Sage Publications, 1992), 11–18
Roland Robertson, Globalization: Social Theory and Global Culture (London: Sage Publications, 1992), 8–15.
Stephen Winick, "The History and Traditions of April Fools' Day," Library of Congress Blog, 2016.
Sherry Turkle, Alone Together: Why We Expect More from Technology and Less from Each Other (New York: Basic Books, 2011), 214–219.
Syed Muhammad Naquib al-Attas, Islam and Secularism (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 133– 140.